



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN DI ANTARA KONSEP KENDIRI DAN SOKONGAN IBU BAPA
DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR
KOLEJ VOKASIONAL

KHAIRUNNISA BINTI KAMARULZAMAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara konsep diri dan sokongan ibu bapa dengan pencapaian akademik pelajar Kolej Vokasional Slim River. Sebelum itu, kajian itu juga mengkaji prestasi akademik mereka yang berasaskan jantina dan Status Sosioekonomi (SSE) mereka. Hasil analisis *Independent t-test* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik lelaki ($M = 3.243$, $SP = 0.92$) dan perempuan ($M = 3.240$, $SP = 1.16$) pada $t = 0.190$, $p = 0.05$). Analisis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara prestasi akademik bagi kumpulan SSE tinggi, SSE sederhana dan SSE rendah yang ditentukan melalui ujian ANOVA ($F(2,88) = 12.088$, $p = 0.05$). Sementara itu, keputusan analisis korelasi Pearson Moment menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara prestasi akademik pelajar dengan konsep diri ($r = 0.960$) dan sokongan ibu bapa ($r = 0.901$). Sebagai kesimpulan, konsep diri dan sokongan ibu bapa merupakan faktor yang menentukan prestasi akademik pelajar Vokasional dan ini memberikan implikasi penting kepada pelbagai pihak untuk merangka program yang berkaitan dengan perkara tersebut.





RELATIONSHIP BETWEEN SELF-CONCEPT AND PARENTAL SUPPORT TOWARDS ACADEMIC PERFORMANCE AMONG STUDENT OF VOCATIONAL COLLEGE

ABSTRACT

The main purpose of this study is to examine the relationship between self-concept and parental support and academic performance of Slim River Vocational College students. Prior to that, the study also reviewed their gender-based academic performance and their Socioeconomic Status (SES). The survey method was used as the research design and a total of 120 students from various courses were randomly chosen as respondents. The instruments used were Self-Concept Clarity Scale Campbell and Parental Support Scale. The results of Independent t-test showed that there was a no significant difference between academic performance of male ($M=3.243$, $SD=0.92$) and female ($M = 3.240$, $SD = 1.16$; $t = 0.190$, $p = 0.05$). The result also showed that there were no significant differences between academic performance of high SES, moderate SES and low SES group as determined by one-way ANOVA ($F(2,88) = 12.088$, $p = 0.05$). Meanwhile the result of Pearson Moment correlation analysis showed that there was a significant correlation between academic performance of the students' with self-concept ($r = 0.960$) and parental support ($r = 0.901$). As a conclusion, self-concept and parental support is an important factor that determiner academic performance of Vocational College students and it gives important implications for various parties to formulate programs related to the matter.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang kajian	4
1.2	Pernyataan Masalah	6
1.3	Tujuan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	11
1.6	Hipotesis Kajian	11
1.7	Kerangka Teori Kajian	12
1.7.1	Teori Konsep Kendiri Humanistik Carls Roger	13
1.7.2	Teori Gaya Asuhan Ibubapa Baumrind	15
1.7.3	Teori Hierarki Keperluan Moslow	19
1.8	Kerangka Konseptual	23



1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Definisi Secara Operasional	26
1.11	Skop Kajian	29
1.12	Batasan Kajian	29
1.13	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	31
2.1	Remaja dan Pelajar Kolej Vokasional	32
2.2	Remaja dan Konsep Kendiri	33
2.3	Konsep Kendiri dalam Pembelajaran dan Pencapaian Akademik	34
2.4	Perbezaan Jantina dan Pencapaian Akademik	36
2.5	Sokongan Ibubapa keatas Pembelajaran dan Pencapaian Akademik Pelajar	38

2.5.1	Penglibatan Ibubapa	40
2.5.2	Sokongan Autonomi Ibubapa	43
2.5.3	Interaksi Perhubungan Anak Dengan Ibubapa	45
2.6	Status Sosio Ekonomi Keluarga terhadap Pencapaian Akademik Anak	47
2.7	Rumusan	50

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	52
3.1	Reka bentuk kajian	53
3.2	Lokasi Kajian	53
3.3	Persampelan Kajian	54
3.3.1	Persampelan Rawak	54
3.4	Instrumen Kajian	55

3.5	Penterjemahan Instrumen	56
3.6	Kesahan Instrumen	57
3.6.1	Kesahan Instrumen Soal Selidik: Tahap Konsep Kendiri Pelajar	59
3.6.2	Kesahan Instrumen Tahap Persepsi Diri Dalam Kalangan Pelajar Terhadap Diri Sendiri	59
3.6.3	Kesahan Instrumen Tahap Penerimaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	60
3.6.4	Tahap Kepercayaan Kendiri Dalam kalangan Pelajar	62
3.6.5	Kesahan Instrumen Bahagian D : Tahap Sokongan Ibubapa	63
3.6.6	Kesahan Instrumen Tahap Penglibatan Ibubapa	63
3.6.7	Kesahan Instrumen Tahap Sokongan Autonomi Ibubapa	64
3.6.8	Kesahan Instrumen Tahap Interaksi Perhubungan dengan Ibubapa Dengan Anak	65
3.6.9	Kesahan Keseluruhan Instrumen	66
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen	
3.7.1	Kajian Rintis	67
3.7.2	Kebolehpercayaan Tahap Konsep Kendiri Pelajar	68
3.7.3	Kebolehpercayaan Tahap Penerimaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	69
3.7.4	Kebolehpercayaan Tahap Konsep Kendiri Pelajar	69
3.7.5	Kebolehpercayaan Tahap Sokongan Ibubapa	70
3.7.6	Kebolehpercayaan Tahap Penglibatan Ibubapa	70
3.7.7	Kebolehpercayaan Tahap Sokongan Autonomi	71
3.7.8	Kebolehpercayaan Tahap Interaksi Perhubungan Ibubapa dengan anak	71
3.7.9	Kebolehpercayaan Keseluruhan Instrumen	72
3.8	Kaedah Pengumpulan Data	73
3.8.1	Penskoran Soal Selidk Bahagian A: Item A1: Status Jantina	73



3.8.2	Penskoran Soal Selidik Bahagian A: Item A2: Status Sosio Ekonomi Keluarga	74
3.8.3	Penskoran Soal Selidik Bahagian B: Tahap Pencapaian Akademik	75
3.8.4	Penskoran Soal Selidik Bahagian C: Tahap Konsep Kendiri Pelajar	76
3.8.5	Penskoran Soal Selidik Bahagian D: Tahap Sokongan Ibubapa	77
3.9	Analisis Data	78
3.10	Pengkelasan Objektif Mengikut Ujian Statistik Yang Digunakan	80
3.11	Rumusan	81

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	82
4.1	Bahagian A; Latar Belakang Responden	82
4.2	Bahagian B: Purata Pencapaian Akademik Pelajar	84
4.3	Perbezaan Jantina dengan Pencapaian Akademik	84
4.4	Perbezaan Tahap SSE Keluarga dengan Pencapaian Akademik	85
4.5	Tahap Persepsi Kendiri	86
4.6	Tahap Penerimaan Kendiri	87
4.7	Tahap Kepercayaan Kendiri	88
4.8	Hubungan Konsep Kendiri Pelajar dengan Pencapaian Akademik	89
4.9	Tahap Penglibatan ibubapa dalam kalangan Pelajar Kolej Vokasional	89
4.10	Tahap Sokongan Autonomi ibubapa dalam kalangan Pelajar	90
4.11	Tahap Interaksi Hubungan Ibubapa dengan Anak	91
4.12	Hubungan Sokongan Ibubapa dengan Pencapaian Akademik	92
4.13	Rumusan	92



BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	94
5.2	Perbincangan dan Hasil Dapatan Kajian	95
5.2.1	Latar Belakang Responden	95
5.2.2	Tahap Purata Pencapaian Akademik Pelajar	96
5.2.3	Perbezaan Jantina dengan Pencapaian Akademik	96
5.2.4	Perbezaan Tahap SSE Keluarga dengan Pencapaian Akademik	97
5.2.5	Tahap Persepsi Kendiri	100
5.2.6	Tahap Penerimaan Kendiri	101
5.2.7	Tahap Kepercayaan Kendiri	102
5.2.8	Hubungan Konsep Kendiri Pelajar dengan Pencapaian Akademik	103
5.2.9	Tahap Penglibatan ibubapa di Kalangan Pelajar Kolej Vokasional	105
5.2.10	Tahap Sokongan Autonomi ibubapa	107
5.2.11	Tahap Interaksi Hubungan Ibubapa dengan Anak	108
5.2.12	Hubungan Sokongan Ibubapa Dengan Pencapaian Akademik	110
5.3	Analisis Hipotesis Kajian	111
5.4	Cadangan Kajian	111
5.5	Implikasi Kajian	112
5.6	Rumusan	113

RUJUKAN	116
----------------	-----

LAMPIRAN

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Instrumen Kajian	55
3.2	Penilai Kesahan Soal Selidik	58
3.3	Kesahan Instrumen Tahap Persepsi Diri Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	60
3.4	Kesahan Instrumen Tahap Penerimaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	61
3.5	Penilaian Pensyarah/Pakar Terhadap Item Tahap Kepercayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	62
3.6	Penilaian Pensyarah/Pakar Terhadap Item Tahap Penglibatan Ibubapa	64
3.7	Penilaian Pensyarah/Pakar Terhadap Item Tahap Sokongan Autonomi Ibubapa	65
3.8	Kesahan Instrumen Tahap Interaksi Perhubungan dengan Ibubapa Dengan Anak	66
3.9	Kesahan Keseluruhan Instrumen	67
3.10	Tahap Persepsi Kendiri dalam kalangan pelajar	68
3.11	Tahap Penerimaan Kendiri dalam kalangan pelajar	69
3.12	Tahap Kepercayaan Kendiri di Kalangan Pelajar	70
3.13	Kebolehppercayaan Tahap Persepsi Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	70
3.14	Kebolehppercayaan Tahap Persepsi Kendiri Dalam Kalangan Pelajar	71
3.15	Kebolehppercayaan Instrumen Tahap Interaksi Perhubungan Ibubapa dengan anak	72
3.16	Kebolehppercayaan keseluruhan instrumen	72



3.17	Penskoran Soal Selidik Bahagian A: Item A1: Status Jantina	73
3.18	Penskoran Soal Selidik Bahagian A: Item A2: Status Sosio Ekonomi Keluarga	74
3.19	Tahap Skala Peringkatan Skor Min bagi Tahap Sosio Ekonomi Keluarga	74
3.20	Penskoran bagi item soal selidik tahap Pencapaian akademik Dalam Kalangan Pelajar	75
3.21	Tahap Skala Peringkatan Skor Min bagi Tahap Prestasi Akademik Pelajar Kolej Vokasional	75
3.22	Penskoran bagi pilihan jawapan Soal Selidik Tahap Konsep Kendiri Pelajar	76
3.23	Tahap Skala Peringkatan Skor Min bagi Tahap Konsep Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional	77
3.24	Skor Pilihan Jawapan Soal Selidik Sokongan Ibubapa	77
3.25	Tahap Skala Peringkatan Skor Min bagi Tahap Sokongan Ibubapa Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional	78
3.26	Skala Anggaran Kekuatan Perhubungan Antara Pembolehubah	80
3.27	Pengkelasan Objektif Mengikut Ujian Statistik Yang Digunakan	81
4.1	Analisis Deskriptif Latarbelakang Responden	83
4.2	Tahap Purata Pencapaian Akademik Pelajar	84
4.3	Perbezaan Jantina Dengan Pencapaian Akademik Menggunakan Ujian <i>Independent T-Test</i>	85
4.4	Perbezaan Tahap SSE Keluarga dengan Pencapaian Akademik	85
4.5	Peratus dan Skor Tahap Persepsi Kendiri	86
4.6	Peratus dan Skor Tahap Penerimaan	87
4.7	Peratus dan Skor Tahap Kepercayaan Kendiri	88
4.8	Hubungan Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik Menggunakan Korelasi	89
4.9	Peratus dan Skor Tahap Penglibatan ibubapa dalam kalangan Pelajar	94



4.10	Peratus dan Skor Tahap Sokongan Autonomi ibubapa	90
4.11	Peratus dan Skor Tahap Interaksi Hubungan Iubapa dengan Anak	91
4.12	Analisis Korelasi Terhadap Ibu bapa Dengan Pencapaian Akademik	96
5.1	Analisis Hipotesis Kajian	111





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

- | | | |
|-----|---|----|
| 1.1 | Hierarki Teori Keperluan Maslow | 23 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian Hubungan Konsep Kendiri dengan Kemahiran Komunikasi Interpersonal terhadap Pencapaian Akademik Pelajar | 25 |





SENARAI SINGKATAN

BPTV	Bahagian Teknik dan Vokasional
ERT	Ekonomi Rumah Tangga
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
KVSR	Kolej Vokasional Slim River
PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PNGS	Purata Nilai Gred Semester
SSE	Status Sosio Ekonomi





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Penilaian Soal Selidik
- B Borang Soal Selidik Kajian
- C Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian C : Konsep Kendiri
- D Kebolehpercayaan Soal Selidik Bahagian D : Sokongan Ibu Bapa
- E Perbezaan Skor Min Jantina Dengan Pencapaian Akademik
- F Perbezaan Skor Min Tahap Sse Keluarga Dengan Pencapaian Akademik
- G Korelasi Konsep Kendiri Dengan Pencapaian Akademik
- H Korelasi Sokongan Ibubapa Dengan Pencapaian Akademik





BAB 1

PENDAHULUAN



1.0 Pengenalan

Falsafah Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat





dan negara. Justeru, dapatlah difahamkan bahawa pendidikan di Malaysia amat menitik beratkan keseimbangan pencapaian akademik sebagai ilmu pengetahuan haruslah seiring dengan perkembangan peribadi unggul setiap pelajar yang memerlukan usaha yang berturutan daripada pihak institusi keluarga, guru dan sekolah.

Sungguhpun begitu, pihak kerajaan amat menyedari yang bukan semua pelajar cenderung kepada bidang akademik di mana mereka lebih berminat kepada bidang vokasional. Mereka dikatakan meminati bidang ini kursus-kursus yang disediakan lebih menekankan aspek amali. Secara tidak langsung, bidang ini juga dapat menarik minat pelajar-pelajar yang lemah dalam pencapaian akademik (Rohana, 2010; Mohamad, 1999). Walau bagaimanapun, pencapaian akademik diambil kira untuk



membezakan pelajar layak atau tidak untuk meneruskan pengajian mereka di peringkat Diploma Vokasional Malaysia di mana mereka haruslah melepasi tahap yang telah ditetapkan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (Wan Mohd Fazli, 2014). Berasaskan sebab-sebab ini, kolej-kolej vokasional adalah platform yang ideal untuk memupuk konsep sendiri yang positif untuk mencapai kejayaan dalam bidang vokasional. Tanggungjawab ini bukan sahaja terletak atas bahu pihak kolej sahaja sokongan dari pihak keluarga adalah perlu. Pelajar kolej vokasional adalah golongan remaja dan mereka memerlukan sokongan daripada ibu bapa untuk bertindak termasuklah membuat keputusan dalam bidang yang mereka ceburi.

Kita juga harus ingat, pihak kerajaan sangat memberi penekanan terhadap pendidikan vokasional dan ini terbukti apabila ia tersenarai sebagai projek berimpak tinggi di bawah Badan Bertindak Pelaksanaan Negara dalam Rancangan Malaysia





Kesmbilan (RMK-9). Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM425.5 juta untuk kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian bengkel-bengkel vokasional di kolej-kolej vokasioanl dan sekolah-sekolah menengah harian yang menyediakan mata pelajaran vokasional (Jabatan Perdana Menteri, 2012). Sehubungan itu, pihak kerajaan amat menyedari dengan memberi penekanan terhadap pendidikan vokasional secara tidak langsung masalah keciciran dalam kalangan pelajar yang lemah dan sederhana dalam akademik di mana mereka yang tidak berminat dalam bidang akademik masih dapat meneruskan pelajarsan dalam bidang vokasional (Mohamad Ruzaimie, 2010). Kedudukan ini seiring dengan Dasar Transformasi Pendidikan Vokasioal yang menekankan aspek kebolehkerjaan pelajar di mana tenaga kerja mahir dan separa mahir dapat dilahirkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).



dan remaja telah banyak dilakukan. Ini adalah kerana pembinaan konsep sendiri yang positif adalah sangat penting memandangkan konsep sendiri merupakan satu proses pengiktirafan individu ke atas fizikal, sosial dan akademik (Pintrich & Schunk, 2002; Marsh, 1989). Konsep sendiri juga mempengaruhi banyak perkara. Namun, tidaklah banyak kajian yang menfokuskan kepada pelajar kolej vokasional kerana sistem pembelajaran di kolej vokasional masih baru dimana ditubuhkan pada tahun 2012 (Wan Mohd Fazli, 2014).

Tambahan itu , Amold (2008) mendapati hubungan antara ibubapa dan pelajar adalah elemen utama dalam kemajuan pelajar.Kajian terhadap konsep sendiri dan sokongan ibubapa dianggap penting dalam pencapaian akademik dalam kalangan pelajar kolej vokasional kerana anggapan yang positif terhadap dirinya juga





menyebabkan seseorang itu berasa dirinya dihargai, dihormati, diterima dan difahami sama ada daripada orang lain atau dirinya. Perasaan seperti ini bukan sahaja membuatkan seseorang itu yakin terhadap dirinya, tetapi ia juga merupakan sebagai penggalak untuknya terus berusaha mencapai matlamatnya. Bagi pelajar yang mendapat sokongan ibubapa serta mempunyai tinggi konsep kendirinya, mereka sudah semestinya mempunyai arah yang hendak dituju dan seterusnya berusaha ke arahitu termasuk pencapaian kecemerlangan dalam bidang akademik.

1.1 Latar Belakang

Dasar baru dalam pendidikan negara telah membawa kepada sekolah menengah vokasional di mana kerajaan Malaysia pada tahun 2012 telah menaik taraf sekolah-sekolah ini kepada kolej vokasional. Tujuan utama penubuhan kolej ini adalah untuk menawarkan latihan kemahiran kepada pelajar yang berprestasi rendah bukan hanya menekankan pendidikan akademik semata-mata. Walau bagaimanapun, dasar baru kerajaan telah mengangkat pendidikan vokasional ke tahap yang lebih tinggi yang tidak seharusnya dianggap sebagai pendidikan kelas kedua. Ini dapat dilihat apabila jangka masa latihan telah dipanjangkan dari dua tahun kepada empat tahun dan pelajar akan menduduki peperiksaan bagi mendapatkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Seperti dahulu, pelajar boleh menyertai kolej ini adalah mereka yang telah tamat tingkatan tiga. Terdapat banyak kursus yang menarik disediakan di pusat-pusat vokasional. Berbeza dengan sekolah menengah teknik di mana antara kursus yang ditawarkan ialah kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan awam,





kejuruteraan elektrik, perdagangan, ERT pengurusan makanan, sains pertanian dan sebagainya.

Bagi aliran vokasional pula, kursus yang ditawarkan adalah seperti automotif, elektrik dan elektronik, penyejukan dan penyamanan udara, amalan bengkel mesin, kimpalan, catering dan binaan bangunan. Di samping itu, fesyen, seni kecantikan, pengurusan ladang, pengurusan perniagaan, pelancongan, perkhidmatan dan perkembangan kanak-kanak, bakeri, pengaturcaraan komputer, pengurusan teknologi pejabat, hortikultur hiasan dan lanskap serta kejenteraan ladang merupakan kursus-kursus lain yang juga terdapat bagi pelajar aliran vokasional.

Kursus yang ditawarkan dalam pendidikan vokasional peringkat tinggi adalah lebih luas dengan pelbagai bidang baru diperkenalkan seperti fotografi, percetakan, hospitaliti, perkomputeran, pengaturcaraan perisian, teknologi permainan video, kecantikan, marin, kenderaan seperti lori dan motosikal, penyelenggaraan kapal terbang dan terapi sukan. Elektrik dan elektronik juga turut mempunyai cabang yang sangat luas.

Manakala bagi aliran kemahiran pula, mekanik kenderaan motor, jurukerja paip, jurubina bangunan, pembuat perabot, pelukis pelan seni bina, pelukis pelan mekanikal, juruteknik elektrik rendah, jurukimpal arka logam berperisai, juruteknik rendah elektronik industri - peralatan, mekanik teknologi elektronik radio dan video, pembantu penyedia makanan, pembuat pakaian wanita, pendandan rambut muda, juru kecantikan, pekerja am pertanian dan pemesis am adalah antara kursus yang paling menarik.





Bagi pelajar-pelajar di Kolej Vokasional, aspirasi kerjaya dalam bidang vokasional adalah sasaran utama setiap pelajar di sini. Untuk mendapat keputusan yang cemerlang, , kompeten serta diterima di dalam industri , seseorang pelajar perlu menguasai dan memahami isi kandungan kursus-kursus yang disediakan. Proses menguasai dan memahami apa yang dipelajari tidak bergantung kepada teknik hafalan semata-mata tetapi bergantung kepada kemahiran yang dikuasai dengan berkesan. Namun disebalik kesungguhan untuk menguasai kemahiran-kemahiran vokasional yang ditawarkan di kolej vokasional terdapat elemen lain yang perlu dititikberatkan. Konsep Kendiri adalah salah satu elemen yang dianggap penting untuk membantu pelajar menguasai proses pembelajaran. Disamping itu, pengaruh ibubapa yang mendidik anak-anak sejak dari dalam rahim adalah elemen yang penting untuk dibincangkan . Kajian ini dilaksanakan bagi mengupas sejauhmanakah konsep kendiri dan sokongan ibubapa memberikan hubungkait terhadap pencapaian akademik anak-anak Kolej Vokasional.

1.2 Pernyataan Masalah

Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) merupakan antara agenda utama negara kebelakangan ini dalam melahirkan tenaga kerja separa professional yang berkemahiran untuk menampung kehendak pasaran tenaga kerja negara. Usaha giat dilakukan pihak kerajaan melalui pengstruktur semula sistem pendidikan Sekolah Menengah Vokasional kepada Kolej Vokasional. Strategi ini dirangka untuk memberi tumpuan kepada golongan pelajar sederhana agar tidak tercicir dari arus perdana sebaliknya dapat berpeluang menceburi bidang yang diminati serta memberi





sumbangan terhadap pembangunan Negara (Muhammad Azmi, 2015). Namun, dalam pada usaha menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai kecemerlangan akademik didalam bidang vokasional, elemen psikologikal seperti konsep sendiri dan pengaruh sokongan ibubapa agar aspirasi kerajaan ini tercapai .

Prestasi akademik kepada pelajar kolej vokasional dianggap penting kerana akan mempengaruhi kebolehpasaran graduan daripada Kolej Vokasional untuk diterima di dalam industri ataupun menyambung pelajaran ke institusi pengajian tinggi. Konsep sendiri adalah indeks persepsi seseorang pelajar yang memberi pengaruh yang berkesan terhadap motivasi untuk meminati mata pelajaran mata pelajaran di sekolah (Nor Hayati, Bani Hidayat dan Ab Halim (2014)). Konsep sendiri pelajar adalah antara faktor psikologi yang paling penting dalam mempengaruhi pencapaian pelajar sama ada



secara langsung atau tidak langsung (Chantara, Kaewkuekol & Koul (2011). Proses pembinaan konsep sendiri samada negatif atau positif bermula daripada rumah. Ibubapa sebagai institusi kekeluargaan akan membentuk konsep diri individu pada peringkat awal kanak-kanak.

Hasrat BPTV mensasarkan graduan kolej vokasional mencapai 70% pelajar kolej vokasional bekerja , 20% graduan dapat menyambung pelajaran dan 10% graduan dapat menjadi usahawan. Oleh yang demikian, konsep sendiri yang positif serta sokongan padu daripada ibubapa adalah satu elemen yang perlu dititikberatkan menjadikan prestasi akademik pelajar adalah cemerlang dan baik.Namun sejauhmanakah elemen konsep sendiri dianggap penting oleh ibubapa dan pihak kolej untuk membentuk peribadi pelajar kolej vokasional yang berada dalam fasa akhir remaja .





Konsep sendiri yang rendah serta kurangnya sokongan ibubapa menjadikan pelajar tidak bermotivasi seterusnya menghilangkan minat dalam mendapatkan Purata Nilai Gred (PNG) yang cemerlang. Pelajar yang hilang motivasi dan minat tidak mustahil untuk kehilangan matlamat seterusnya membawa mereka ke kancuh perlakuan yang memudaratkan diri seperti kemurungan yang teruk, membunuh diri, pergaulan bebas, mengambil dadah dan pelbagai lagi kesalahan devian yang merugikan diri. Individu yang tidak dipenuhi keperluan kasih sayang dan perlindungan yang sepatutnya diterima daripada ibubapa akan menganggap dirinya tidak disayangi seterusnya menganggap dirinya tidak penting akan menyebabkan dirinya mempunyai anggapan persepsi diri yang negatif. Individu ini menyendiri dan mengasingkan diri daripada masyarakat sehingga menyebabkan dirinya menjadi murung dan membuat perlakuan diluar batas fikiran waras manusia seperti mengelar tangan sendiri. Terdapat juga individu yang mencari alternatif lain untuk dipenuhi keperluan kasih sayang dengan cara mencari keseronokan dengan cara menghisap dadah agar melupakan masalah yang berlaku atau bergaul bebas dengan rakan-rakan yang rosak akhlak sehingga tidak hadir ke kelas.

Kajian berkenaan hubungan konsep sendiri dan sokongan ibubapa dianggap penting untuk merungkai bahawa elemen ini adalah elemen psikologikal yang tidak boleh dianggap remeh kerana ianya memengaruhi keyakinan diri, motivasi serta minat pelajar agar tidak tercicir dalam proses pembelajaran di Kolej Vokasional yang memerlukan kekuatan mental dan fizikal yang mantap untuk menyiapkan pelbagai tugas, menghadapi peperiksaan serta kemahiran berorganisasi di peringkat kolej. Konsep sendiri yang positif serta sokongan ibubapa amat penting dalam menghadapi cabaran-cabaran yang dialami seperti rakan sebaya, pengurusan masa dan pengurusan





diri agar pelajar tidak mudah berputus asa dan menguruskan stress dengan baik. Stress yang tidak dikawal dengan baik memberi kesan terhadap prestasi pelajar.

Kajian berkenaan konsep sendiri dan sokongan ibubapa telah banyak dijalankan di sekolah-sekolah harian terutama di sekolah menengah, namun kajian berkenaan hubungan konsep sendiri dan sokongan ibubapa terhadap pencapaian akademik pelajar kolej vokasional tidak banyak dikemukakan .

Kajian dianggap penting untuk dilakukan untuk memberi gambaran bahawa konsep sendiri dan sokongan ibubapa adalah elemen yang penting untuk diberi perhatian agar pelajar yang mempunyai konsep sendiri yang rendah didekati dan dibantu melalui program-program atau intervensi yang terancang. Kupasan kepentingan

peningkatan akademik dalam kalangan para pelajar di kolej vokasional tidak seperti di sekolah harian kerana prestasi akademik akan mempengaruhi penguasaan kemahiran teknikal dan vokasional, kebolehpasaran graduan untuk menghadapi cabaran dalam dunia kerjaya serta membentuk peribadi yang berdisiplin, berkeyakinan, kreatif dan inovatif dalam memenuhi kehendak industri. Pembinaan kerjaya pelajar kolej vokasional didasari dengan konsep sendiri dan sokongan ibubapa. Namun, apakah tahap konsep sendiri dan sokongan ibubapa dalam kalangan kolej vokasional samada tinggi atau rendah perlu dikaji dalam satu lapangan kajian.



1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan beberapa pemboleh ubah dengan pencapaian akademik pelajar dalam konteks pelajar di Kolej Vokasional. Penyelidikan yang dilakukan berdasarkan dua pemboleh ubah bebas iaitu konsep sendiri dan sokongan ibu bapa. Pembolehubah jantina responden dan tahap Status Sosio Ekonomi (SSE) keluarga turut diambil kira sebagai pembolehubah dermografi yang mempengaruhi kajian. Justeru, ujian t-sampel digunakan untuk melihat perbezaan antara jantina dengan pencapaian akademik serta ujian ANOVA digunakan untuk mengkaji perbezaan antara tahap SES keluarga dengan pencapaian akademik pelajar. Selain, kajian juga melihat kepada nilai skor-skor min untuk mengkaji sejauh mana tahap persepsi sendiri pelajar, tahap penerimaan sendiri pelajar, tahap kepercayaan sendiri pelajar, tahap penglibatan ibubapa, tahap sokongan ibubapa dan tahap interaksi perhubungan ibubapa dengan anak-anak.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan beberapa objektif yang sudah dikenal pasti iaitu:

1. Untuk mengenalpasti perbezaan diantara jantina dengan pencapaian akademik pelajar.
2. Untuk mengenalpasti perbezaan diantara tahap status sosio ekonomi (SSE) dengan pencapaian akademik pelajar.
3. Untuk mengkaji hubungan diantara konsep sendiri dengan pencapaian akademik pelajar.

